

11/11/2003

Konsep Islam sejati unjuran kepemimpinan Abdullah

Dr Ilias Zaidi

DI DEPAN seluruh rakyat sekarang terpacak satu peribadi yang luhur berpremiskan ciri-ciri Islam untuk meneruskan kesinambungan kepemimpinan dan penerajuan negara pada masa depan. Segala-galanya bermula dengan baik sejak mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara pada 31 Oktober dan kemudian diberi sambutan meriah sekembalinya ke Kepala Batas, pada hari berikutnya.

Begitulah berputiknya lakaran sejarah baru bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau lebih dikenali dengan gelaran Pak Lah sebagai Perdana Menteri kelima negara, menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara. Begitulah juga berputiknya sejarah baru negara di bawah kepemimpinan tokoh 'Mr Clean' ini yang ditakdirkan berlaku pada awal Ramadan, bulan yang menyaksikan pelbagai peristiwa bermakna dalam sejarah Islam termasuk turunnya kitab suci al-Quran.

Sekurang-kurangnya ada dua hal yang dapat disentuh berhubung peralihan pucuk pimpinan negara pada Ramadan yang mulia ini. Yang pertama Pak Lah sebenarnya sudah cukup bersedia untuk memikul tugas baru sebagai Perdana Menteri, sesudah melepasi pelbagai duri ujian dan ranjau dugaan. Yang keduanya cara penyerahan baton kepada Pak Lah oleh Dr Mahathir cukup baik, licin dan kemas, sekali gus pasti membolehkannya mengencangkan larian ke garisan penamat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020 nanti.

Ucapan sulung Pak Lah di Kepala Batas adalah bukti ketulusan hati pemimpin bersikap sederhana, merendah diri dan berjiwa rakyat ini. Pengakuan Pak Lah hari itu bahawa beliau pernah diulit masalah beberapa waktu ketika berlakunya krisis kepemimpinan parti adalah cukup terpuji. Barangkali yang menyentuh hati kecil kita semua ialah ucapan sulungnya itu mengajak semua rakyat bekerjasama dengannya untuk meneruskan pembangunan negara, bukannya bekerja untuk dirinya sendiri.

Daripada aspek kedua, Pak Lah bersyukur kepada Ilahi kerana mewarisi kerajaan yang begitu berkesan dan berjaya serta negara termaju di kalangan negara membangun, hasil kepemimpinan Dr Mahathir selama 22 tahun meneraju negara. Pengucapan ini juga mencerminkan keluhuran peribadi seorang Muslim, lebih-lebih lagi yang bergelar pemimpin.

Anyaman kedua-duanya di antara peribadi yang tersohor dengan kelicinan penyerahan baton pucuk pemerintahan dapat dianggap sebagai aset terpenting kepada Pak Lah. Sejak 1978 lagi, beliau sudah menjadi ahli Umno, sebuah parti tunggal pemerintahan negara. Tempoh suku abad sememangnya mematangkan akal fikirnya dan merimbunkan pengalaman peribadi seseorang pemimpin seperti Pak Lah.

Dengan kata lain, beliau sudah cukup dipersiapkan diri baik sebagai penjawat awam mahupun sebagai ahli politik. Pembabitannya dalam profesion politik kepartian tidak mendadak seperti sesetengah pemimpin, akan tetapi setapak demi setapak, menjadi timbalan menteri, Menteri Pendidikan dan Menteri Luar, sebelum diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri. Semua pengalaman ini juga yang merenah peribadi tersohornya sebagai pemimpin.

Perihal beliau mengajak rakyat bekerja bersama-sama dengannya cukup sebagai titik awal bahawa konsep Islam sejati menjadi unjuran dan gaya kepemimpinan Pak Lah pada hari mendatang. Begitulah Allah berfirman yang bermaksud: "Dan hendaklah kamu merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman." (Asy-syu'araa: 215)

Kemudian Allah berfirman lagi dalam surah An-Nahl ayat 90 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

Kita mungkin masih ingat kelancaran dan kebernasan ucapan Pak Lah pada akhir 1970-an ketika melancarkan kempen 'Kepemimpinan melalui Teladan'. Beliau berpendapat setiap orang daripada kita adalah pemimpin, setidak-tidaknya pemimpin kepada diri serta keluarga sendiri. Pemimpin seharusnya menunjukkan ciri kepemimpinan yang baik seperti jujur, ikhlas, amanah dan bertanggungjawab supaya dapat diteladani dan diikuti oleh anak buah.

Jika diikuti sejarahnya, Abdullah bin Amrin menceritakan bahawa beliau mendengar Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Semua kamu pemimpin dan kamu semua dipertanggungjawabkan terhadap pimpinan masing-masing. Imam pemimpin dan dipersoalkan mengenai kepemimpinannya. Suami pemimpin kepada keluarganya dan dipersoalkan mengenai kepemimpinannya. Isteri pemimpin di dalam rumah suaminya dan dipersoalkan mengenai kepemimpinannya. Khadam pemimpin pada harta tuannya dan dia dipersoalkan mengenai penjagaannya. Semua kamu pemimpin dan dipersoalkan mengenai tugas kepemimpinan masing-masing."

Memang sesungguhnya 'Kepemimpinan melalui Teladan' pada 1970-an itu masih lagi relevan untuk menangani situasi masa kini. Peningkatan prestasi perkhidmatan awam yang selalu pula dikaitkan dengan amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan pastinya menjadi agensi terpenting bagi Pak Lah.

Kita percaya prestasi awam dapat dipertingkatkan sekurang-kurangnya melalui empat cara yang saksama iaitu pembaikan atur cara dan prosedur, pembaharuan sikap pegawai dan kakitangan melalui pendidikan semula, pembaharuan dasar dan tindakan kerajaan serta 'penciptaan semula' kerajaan.

Terkenalnya pemimpin sesebuah negara terletak pada kecekapan pentadbiran awamnya. Justeru, kelicinan dan kebersihan awam daripada segala gejala negatif seperti rasuah amat dituntut di bawah kepimpinan ini. Pak Lah sendiri nampaknya begitu prihatin dengan amalan salah laku kakitangan awam terutama rasuah.

Tidak dinafikan rasuah itu satu amalan yang amat cepat merebak dalam sistem hidup masyarakat hingga akhirnya nanti, kalau tidak dibendung dan dikawal, akan meruntuhkan struktur masyarakat. Cara rasuah merebak seumpama kanser yang membunuh setiap tisu anggota badan secara senyap-senyap dan akhirnya membunuh pesakit itu sendiri. Marilah kita fikirkan bersama akan betapa buruknya akibat rasuah ini.

Pada aspek lain, terkenalnya pemimpin itu juga terletak pada perpaduan yang wujud di kalangan pengikut. Kesatuan dan perpaduan bukanlah bermaksud bahawa ketaksuban seluruh pengikut kepada tokoh yang memimpin mereka. Perbezaan dan kelainan pendapat itu sebenarnya aset kepada pemupukan perpaduan yang lebih intim.

Kelembutan pendekatan yang bakal diambil oleh Pak Lah pastinya dapat memperkejar kisi-kisi perpaduan, bukan saja di kalangan orang Melayu dan Islam tetapi di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Sikap masyarakat yang terbuka sudah tentu memudahkan penganyaman perpaduan yang dicita-citakan. Kesempitan pandangan seperti yang terbukti daripada sejarah Islam lampau bukan saja memeritkan konflik yang ada, malah mengundang sengketa baru yang lebih parah.

Reaksi luar negara juga dilihat bahawa Pak Lah sudah bermula dengan baik dan mendapat maklum balas yang menyenangkan. Sambil mengucapkan tahniah di atas pelantikan, Presiden Russia Vladimir Putin misalnya yakin dengan kepemimpinan Pak Lah yang akan meneruskan cara dinamik ke arah mencapai

kemajuan dan kesejahteraan.

Agensi berita luar negara pula melihat Pak Lah sebagai pemimpin ulung yang mampu meneruskan kemajuan negara pada masa depan. Pasti peranan Pak Lah dalam arena antarabangsa lebih disenangi daripada kelembutan suara dan kelunakan pendekatannya dalam menangani sesuatu isu.

Ketika menjadi Menteri Luar, dalam menghadapi krisis Perang Teluk awal lapan puluhan, Pak Lah dengan tegasnya menyatakan pendirian negara untuk mengambil pendekatan perundingan dan musyawarah dalam menangani konflik antarabangsa.

Penentangan kerajaan kepada pelanggaran dan penaklukan sesebuah negara ke atas negara lain sesuai dengan pendekatan dasar luar yang dilakari sejak merdeka.

Pastinya peranan Malaysia yang lebih positif di bawah Pak Lah dituntut ke arah memainkan peranan membina dalam badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), lebih-lebih lagi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) apabila Malaysia sudah diangkat sebagai penerajunya selepas sidang kemuncaknya di Putrajaya, bulan lalu.

Permulaan baik biasanya menjanjikan prestasi yang baik. Dapat dibayangkan Pak Lah yang lebih cenderung kepada kelembutan dan kesederhanaan dari segi pendekatannya, akan membawa negara ke arah menggiatkan semula dakwah Islam secara menyeluruh. Kelainannya barangkali terletak pada menjadikan premis dakwah Islamiah itu sebagai realiti dan berpengaruh dari segi jangka panjang dalam apa juga aspek kehidupan.

Sudah tentu yang difikirkan dalam konteks semasa ialah pertemuan idea dengan pelbagai pendekatan, mencari jurai-jurai perpaduan dalam kepelbagaian pandangan dan pendapat di kalangan rakyat seluruhnya.